

SAR UMNO tidak dikecuali

UM 14 FEB 2003

KUALA LUMPUR 13 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sekolah agama rakyat (SAR) milik UMNO juga tidak dikecualikan dari arahan menarik balik bantuan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, semua rakyat perlu memahami bahawa kerajaan bukannya menghentikan bantuan kepada SAR bagi memenuhi kepentingan politik sebaliknya mahu memelihara pengajaran agama Islam.

"Kita sudah buat penyelidikan dan kita dapati di SAR yang dibiayai oleh orang UMNO pun tidak mengajar agama Islam, sebab itu kita perlu kaji semua, tidak boleh dikecualikan yang itu atau yang ini.

"Jika pengajaran tambahan untuk agama diperlukan, kita akan tambah dalam sekolah kebangsaan, sebab itu kita kaji kurikulum untuk tentukan sukatan pelajaran agama yang menepati kehendak agama Islam."

"Tolonglah faham, kita hendak perbaiki pelajaran agama Islam, bukannya nak perbaiki SAR, bukannya nak memenuhi kehendak UMNO," tegas Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan amanatnya pada Majlis Taklimat Presiden di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Hampir 3,000 pemimpin UMNO dari semua peringkat menghadiri majlis berkenaan yang diadakan khusus bagi membolehkan Dr. Mahathir memberi penerangan mengenai isu SAR.

Beliau menjawab perta-

nyaan daripada beberapa ahli UMNO yang mempersoalkan tindakan kerajaan menarik bantuan sebanyak RM60 bagi setiap murid SAR termasuk sekolah-sekolah yang dibiayai oleh kerajaan negeri pimpinan UMNO.

Dalam amanatnya, Perdana Menteri berkata, tujuan utama kerajaan menarik bantuan kewangan kepada SAR bukanlah kerana mahu menutup sekolah-sekolah berkenaan.

Katanya, kerajaan mendapati hampir semua SAR bukan sekolah agama yang sebenar, sebaliknya mengajar perkara-perkara yang tidak berkaitan agama termasuk politik kebencian.

SAR juga, tambahnya, adalah sekolah yang tidak ada standard, tidak mengikut mana-mana sukatan mata pelajaran dan tidak mempunyai guru terlatih yang cukup.

Beliau berkata, kerajaan mahu membekalkan asas agama yang cukup kepada anak-anak di sekolah kebangsaan tetapi tidak sehingga semua orang mahu dijadikan pakar dalam bidang agama.

"Kita juga wajib pelajari bidang-bidang lain, kita perlu miliki semua ilmu barulah kita dapat hidup sebagai orang Islam, menjadikan Islam sebagai cara hidup dan menjadi masyarakat yang berdaya untuk mempertahankan umat Islam, barulah kita dikatakan contoh negara Islam," tegas Perdana Menteri.